

pengumpulan data, pemerhatian, temubual dan kaedah penganalisan data-data yang sesuai adalah penting dalam penyelidikan ini. Akhirnya, data-data penyelidikan ini dianalisis secara kuantitatif lalu dihuraikan secara kualitatif.

BAB 4

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan ayat-ayat berita hiburan yang dipilih dari tiga akhbar tempatan bahasa Cina iaitu “*Guang Ming Daily*” (《光明日报》) (*Guāngmíng Rìbào*), “*China Press*” (《中国报》 *Zhōngguó Bào*), dan “*Mun Sang Poh*” (《民生报》 *Míngshēng Bào*) dari bulan Januari 2007 hingga bulan Mei 2007. Ayat-ayat berita hiburan yang mempunyai fenomena percampuran kod pada tahap lexis sahaja dipilih untuk dijadikan sebagai data penyelidikan ini. Pengkaji mengkategorikan kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina kepada 12 kelas kata. Pengkaji menganalisis data kajian ini melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif pula digunakan untuk mengkaji kekerapan item-item lexis

bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina dengan menggunakan carta pai. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengkaji ciri-ciri kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Secara kesimpulan, bab ini mengandungi tiga aspek kajian, iaitu pengklasifikasian kelas-kelas kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina, membincangkan ciri-ciri kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan dan membincangkan sebab-sebab yang mengakibatkan item-item lexis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

4.2 Kelas Kata Bahasa Inggeris yang Dicampurkan ke Dalam Ayat Berita Hiburan Bahasa Cina di Malaysia

Setelah menganalisis 1000 ayat hiburan yang mengandungi percampuran kod dalam akhbar tempatan bahasa Cina, pengkaji mendapati bahawa jumlah perkataan bahasa Cina dalam berita hiburan yang terpungut adalah sebanyak 46556 patah perkataan, manakala terdapat sebanyak 1283 patah perkataan bahasa Inggeris yang dicampurkan. Daripada 1283 patah perkataan bahasa Inggeris yang dicampurkan, hanya terdapat 287 kata bahasa Inggeris yang berlainan di mana sesetengah kata bahasa Inggeris yang dicampurkan itu adalah sama, misalnya "*fans*" telah dicampurkan sebanyak 336 kali. Item-item lexis bahasa Inggeris yang telah dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia boleh dikategorikan kepada 12 kelas kata seperti berikut, iaitu:

- a. Kata nama am (112 kata)
- b. Kata nama khas (78 kata)
- c. Kata adjektif (48 kata)

Kelas kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia		Kategori	Item-item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina	Kekerapan item leksis berkenaan dicampurkan	Jumlah Kekerapan (Peratus)
--	--	----------	--	---	----------------------------

- d. Kata kerja (37 kata)
- e. Kata ganda (4 kata)
- f. Kata meminta diri (2 kata)
- g. Kata awalan bilangan (1 kata)
- h. Kata seru (1 kata)
- i. Kata penafi (1 kata)
- j. Kata adverba (1 kata)
- k. Kata pembenar (1 kata)
- l. Kata halus (1 kata)

Kata Nama	Am	Manusia		
			1. Auntly	3
			2. baby	8
			3. BB	8
			4. dancers	5
			5. DJ	8
			6. fans	336
			7. friends	6
			8. gay	1
			9. lady	1
			10. leader	2
			11. lover	1
			12. man	14
			13. model	4
			14. partner	2
			15. sir	2
			16. star	3
			17. uncle	8
		Muzik	18. ballad	1
			19. band	7
			20. chorus	1
			21. demo	9
			22. melody	2
			23. muse	1
			24. pop	2
			25. rap	9
			26. ringtone	2
			27. solo	1
			28. volume	1
		Tempat	29. cafe	1
			30. canteen	3
			31. disco	1
			32. lounge	1
			33. pub	5
			34. studio	2
			35. spa	4
		Aktiviti	36. BBQ	1
			37. buffet	1
			38. catwalk	4
			39. concert	1
			40. party	11
			41. performance	1
			42. research	1
			43. sales	4
			44. show	10
			45. sponsor	1
			46. talkshow	2
			47. test	1
				724 (56.43%)

	Alat Elektronik	48. camera 49. CD 50. DVD 51. key 52. MV 53. VCD	2 6 15 5 27 3	
	Alat Komunikasi	54. Blog 55. e-mail 56. KTV 57. mail 58. SMS 59. MSN	19 1 1 1 2 4	
	Pakaian	60. cap 61. cutting 62. leggings	6 1 5	
	Perkara	63. case	3	
	Kognitif	64. character 65. concept 66. EQ 67. idea 68. image 69. imagination 70. input 71. IQ	1 2 4 2 1 1 1 1	
	Gelaran/ Pangkat	72. master 73. title 74. VIP	1 2 3	
	Kendaraan	75. taxi 76. van	1 3	
	Masa	77. moment 78. timing	2 1	
	Perasaan	79. feel	14	
	Lain-lain	80. bonus 81. break 82. Connection 83. deadline 84. detail 85. effect 86. Ending 87. facial	5 1 1 1 1 1 1 1	

			88. heart 89. icon 90. identity 91. job 92. kiss 93. legend 94. level 95. look 96. money 97. panel 98. paradise 99. part 100. point 101. pose 102. post 103. power 104. pressure 105. range 106. rose 107. rules 108. signal 109. sirit 110. size 111. style 112. tips	1 4 1 2 2 1 1 34 1 1 1 2 1 5 1 2 1 1 1 1 1 1 1 1 5 1	
	Khas	Manusia	113. Amanda 114. Angela 115. Ankie 116. Beyond 117. Bobby 118. Brittany 119. Buddy 120. Daniel 121. Danny 122. Deanie 123. Elva 124. Eason 125. Edison 126. Ella 127. Fiona 128. Gary 129. Grace 130. Hebe 131. Helen 132. Helene 133. Henley 134. Herman 135. Janice 136. Jay	3 1 2 3 5 1 2 2 4 1 4 16 6 11 3 1 1 2 1 1 1 3 5 3	262 (20.42%)

			137. Jeft	1	
			138. Jerry	4	
			139. Jessie	2	
			140. Jill	2	
			141. Joey	9	
			142. Johnathan	1	
			143. Jolin	9	
			144. Karen	1	
			145. Kelly	5	
			146. Kenny	1	
			147. Leon	2	
			148. Maggie	2	
			149. Mark	3	
			150. Michael	4	
			151. Mike	2	
			152. Orange	4	
			153. Patrick	1	
			154. Paul	4	
			155. Penny	1	
			156. Peter	4	
			157. Prince	2	
			158. Rain	33	
			159. Ronald	2	
			160. Sammi	14	
			161. Sammul	2	
			162. Sampson	1	
			163. Selina	1	
			164. Stanley	1	
			165. Sweety	2	
			166. Tank	6	
			167. Vanness	4	
		Tempat	168. Basement	2	
			169. Cathay	2	
			170. Chanel	1	
			171. Channel	1	
			172. Landmark	1	
			173. Pure	1	
		Kenderaan	174. BMW	2	
			175. Harrier	1	
		Haiwan	176. Cash	2	
		Pangkat	177. CEO	2	
		Cerita	178. Cinderella	1	
		Syarikat	179. Hermes	2	
			180. Hotlink	1	

		Minuman	181. TVB 182. HVD 183. Milo	3 1 1	
		Majalah	184. Moviestar 185. Spring	1 1	
		Kumpulan Band	186. North 187. S.H.E. 188. Twins 189. Westlife	2 10 10 1	
		Penyakit	190. SARS	1	
Kata Adjektif			191. active 192. bob 193. casual 194. cheap 195. close 196. cool 197. creative 198. cute 199. easy 200. energetic 201. fair 202. firm 203. fit 204. free 205. fresh 206. friendly 207. funny 208. gag 209. green 210. happy 211. harmony 212. high 213. hit 214. hot 215. hyper 216. in 217. interesting 218. lucky 219. nice 220. original 221. out 222. perfect 223. positive 224. relax 225. round	1 7 3 2 5 11 1 3 1 1 1 1 6 3 1 1 1 1 3 1 2 1 48 5 1 1 6 1 1 3 1 10 2 1 3 1	175 (13.64%)

		226. sad	1	
		227. sexy	8	
		228. slim	1	
		229. smart	1	
		230. sociable	1	
		231. sporty	1	
		232. surprise	5	
		233. sweet	11	
		234. talented	1	
		235. tense	1	
		236. touching	2	
		237. warm	1	
		238. young	1	
Kata Kerja		239. buy	1	97 (7.56%)
		240. call	10	
		241. care	2	
		242. check	4	
		243. cut	5	
		244. demand	1	
		245. edit	1	
		246. emphasize	1	
		247. enjoy	1	
		248. feel	14	
		249. give	1	
		250. handle	1	
		251. hurt	1	
		252. jam	1	
		253. keep	6	
		254. label	1	
		255. order	1	
		256. play	1	
		257. promote	1	
		258. ready	1	
		259. rock	1	
		260. run	1	
		261. sell	3	
		262. send	1	
		263. set	1	
		264. shopping	21	
		265. sing	1	
		266. slimcut	2	
		267. standby	1	
		268. stomp	1	
		269. stop	1	
		270. supply	1	
		271. sure	1	
		272. take	1	
		273. unexpected	1	
		274. unplugged	2	

		275. update	2	
Kata Ganda		276. sweet sweet 277. high high 278. cute-cute 279. keep — keep	1 1 1 1	4 (0.31%)
Kata Meminta Diri		280. bye 281. bye-bye	1 1	2 (0.16%)
Kata Adverba		282. anywhere	1	1 (0.08%)
Kata Awalan Bilangan		283. no. (number)	1	1 (0.08%)
Kata Seru		284. yeah	4	4 (0.31%)
Kata Penafi		285. no	6	6 (0.47%)
Kata Meminta Maaf (Kata Halus)		286. sorry	5	5 (0.39%)
Kata Pembena		287. yes	2	2 (0.16%)
JUMLAH KESELURUHAN:				1283 (100%)

Jadual 4.1 Kelas Kata Bahasa Inggeris yang Telah Dicampurkan ke dalam Ayat Berita Hiburan Akhbar Bahasa Cina

Pengkaji mendapati bahawa terdapat 287 kata bahasa Inggeris yang telah dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Antara kelas kata bahasa Inggeris tersebut, kata nama am merupakan kelas kata bahasa Inggeris yang paling banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia, iaitu sebanyak 112 kata (Carta 4.1). Kata nama am bahasa Inggeris yang digunakan untuk merujuk kepada manusia, aktiviti manusia, bahagian anggota badan, pakaian, gelaran atau pangkat dan perasaan banyak dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina di Malaysia. Kata nama am bahasa Inggeris yang merujuk kepada muzik, alat elektronik, alat komunikasi, tempat, masa dan kenderaan juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Daripada kata-kata nama am bahasa Inggeris yang dicampurkan, pengkaji mendapati bahawa “fans” (336 kali) paling banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia, diikuti oleh “look” (34 kali), “MV” (27 kali) dan “blog” (19 kali). Kata-kata bahasa Inggeris seperti “look” (34 kali) dan “feel” (14 kali) juga

dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina untuk dijadikan sebagai kata nama am. Justeru, pengkaji mendapati bahawa “*look*” dan “*feel*” telah diperluaskan makna sehingga berfungsi sebagai kata nama am dalam bahasa hiburan akhbar bahasa Cina.

Kelas kata bahasa Inggeris yang kedua banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina ialah kata nama khas iaitu sebanyak 78 kata. Kata nama khas bahasa Inggeris digunakan untuk merujuk kepada manusia, tempat, kenderaan, haiwan, pangkat, cerita, pakaian, syarikat, minuman, majalah, kumpulan band dan penyakit. Kata nama khas bahasa Inggeris “*Rain*” (33 kali) merupakan item leksis yang paling banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina, diikuti dengan “*Eason*” (16 kali), “*Sammi*” (14 kali) dan “*Twins*” (10 kali).

Kata adjektif merupakan kelas kata bahasa Inggeris yang ketiga banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia iaitu sebanyak 48 kata. Pengkaji mendapati bahawa kata adjektif bahasa Inggeris “*high*” (48 kali) paling banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina, diikuti oleh “*sweet*” (11 kali) dan “*cool*” (11 kali). Kata bahasa Inggeris yang sebenarnya bukan kata adjektif seperti “*man*”, “*friend*”, “*in*” dan “*lady*” juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina untuk dijadikan kata adjektif. Justeru, pengkaji mendapati bahawa kata-kata seperti “*man*”, “*friend*”, “*in*” dan “*lady*” telah diperluaskan makna sehingga juga berfungsi sebagai kata adjektif dalam ayat bahasa hiburan.

Kelas kata bahasa Inggeris yang menduduki tempat keempat banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina ialah kata kerja, iaitu sebanyak 37 kata. Daripada kata-kata tersebut, kata bahasa Inggeris “*shopping*” (21 kali) merupakan kata kerja yang paling banyak dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina, diikuti

dengan “*feel*” (14 kali) dan “*call*” (10 kali). Kata adjektif bahasa Inggeris “*Camera*” yang sebenarnya bukan kata kerja juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina untuk dijadikan sebagai kata kerja. Pengkaji mendapati bahawa “*camera*” telah diperluaskan makna sehingga berfungsi sebagai kata kerja dalam bahasa hiburan akhbar bahasa Cina.

Pengkaji mendapati bahawa kata tugas dan kata halus merupakan kata bahasa Inggeris yang paling kurang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Antara kata tugas bahasa Inggeris yang dicampurkan termasuklah kata ganda (4 kata), kata meminta diri (2 kata), kata adverb (1 kata), kata awalan bilangan (1 kata), kata seru (1 kata), kata penafi (1 kata), kata meminta maaf (1 kata), dan kata pembetulan (1 kata). Manakala kata halus yang dicampurkan ialah “*sorry*” (1 kata).

Kata meminta diri bahasa Inggeris iaitu “*bye*” dan “*bye-bye*” telah dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina sebanyak 2 kali. Lazimnya, “*bye*” dan “*bye-bye*” merupakan kata meminta diri yang digunakan untuk menamatkan sesuatu perbualan atau untuk meminta diri.

Kata bahasa Inggeris iaitu “*yeah*” juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina iaitu sebanyak 4 kali. Kata seru bahasa Inggeris tersebut digunakan untuk menunjukkan perasaan bangga dan gembira.


Kata penafi bahasa Inggeris iaitu “*no.*” juga dicampurkan sebanyak 6 kali masing-masing dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Kata bahasa Inggeris “*no.*” dicampurkan dalam ayat hiburan untuk menafikan sesuatu serta menunjukkan tanda tidak bersetuju.

Kata pembenar bahasa Inggeris yang berbunyi “*yes*” juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina. Kata pembenar tersebut telah dicampurkan sebanyak 2 kali dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina.

Kata halus (*honorific*) bahasa Inggeris yang berbunyi “*sorry*” juga dicampurkan sebanyak 5 kali dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Kata bahasa Inggeris “*sorry*” digunakan untuk memohon atau meminta maaf di atas sesuatu kesilapan atau kesalahan yang telah dilakukan.

Berikut adalah sebuah carta pai yang menunjukkan jumlah dan peratus kelas kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia.

Carta 4.1 Jumlah dan Peratus Kelas Kata Bahasa Inggeris yang Dicampurkan ke Dalam Ayat Berita Hiburan Bahasa Cina di Malaysia



Seterusnya, pengkaji turut menganalisis 10 item lexis bahasa Inggeris yang banyak dan kerap disisipkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina Malaysia yang terpilih. Berikut adalah jadual yang menunjukkan item lexis bahasa Inggeris yang banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Jadual 4.2 Item Lexis Bahasa Inggeris yang Paling Banyak Dicampurkan ke dalam Ayat Berita Hiburan Akhbar Bahasa Cina

Kata bahasa Inggeris yang banyak dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan dalam akhbar-akhbar bahasa Cina Malaysia	Kekerapan (kali)
fans	336
high	48
look	34
Rain	33
MV	27
shopping	21
blog	19
Eason	16
DVD	15
feel	14

Pengkaji juga mendapati bahawa kata nama am bahasa Inggeris “*fans*” merupakan item lexis yang paling banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia, iaitu sebanyak 336 kali (59.68%). Menurut Li (2006), “*fans*” merujuk kepada peminat atau penyokong seseorang, misalnya peminat wayang gambar, peminat muzik popular atau peminat permainan bola. Dalam industri perfileman atau muzik, berita-berita artis mempunyai perkaitan rapat dengan peminat-peminatnya. Justeru, kata bahasa Inggeris “*fans*” digunakan dengan berleluasa.

Kata adjektif bahasa Inggeris “*high*” merupakan item lexis yang kedua banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina, iaitu sebanyak 48 kali (8.53%). Item lexis ini digunakan untuk menggambarkan perasaan gembira atau seronok seseorang artis dalam pertunjukan mereka, misalnya artis terkenal Korea, *Rain*.

Kata nama bahasa Inggeris “*look*” merupakan item leksis bahasa Inggeris yang ketiga banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina, iaitu sebanyak 34 kali (6.04%). Item leksis ini digunakan untuk merujuk air muka atau rupa artis-artis popular. Kata bahasa Inggeris “*look*” juga digunakan untuk merujuk kepada fesyen atau gaya seseorang artis.


Kata nama khas bahasa Inggeris “*Rain*” merupakan item leksis yang keempat banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan, iaitu sebanyak 33 kali (5.86%). Kata bahasa Inggeris “*Rain*” digunakan untuk merujuk artis Korea yang popular. Begitu juga kata nama khas “*Eason*” yang merujuk kepada artis Hong Kong juga merupakan kata bahasa Inggeris yang banyak digunakan oleh penulis berita hiburan dalam akhbar bahasa Cina.

Pengkaji juga mendapati bahawa kata nama am bahasa Inggeris “*DVD*” (15 kali) dan “*MV*” (27 kali) digunakan dengan banyaknya. Kata-kata ini digunakan untuk merujuk kepada alat rakaman muzikal atau persembahan artis-artis popular.

Berdasarkan Carta 4.2, pengkaji mendapati kata kerja bahasa Inggeris “*shopping*” dan “*blog*” merupakan kata bahasa Inggeris yang keenam dan ketujuh banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Kata ini digunakan untuk merujuk kepada aktiviti artis-artis popular pada masa lapang, iaitu sama ada “*blog*” di dalam internet atau membeli-belah di pasaraya. Kata-kata ini mempunyai perkaitan rapat dengan industri hiburan. Justeru, kata-kata ini telah disisipkan ke dalam berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Berikut ialah carta yang menunjukkan peratus item leksis bahasa Inggeris yang paling banyak disisipkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia:

Carta 4.2 Peratus Item Leksis Bahasa Inggeris yang Paling Banyak Disisipkan ke dalam Ayat Berita Hiburan Akhbar Bahasa Cina di Malaysia.



4.3 Ciri-ciri Linguistik Lexis Bahasa Inggeris dalam Berita Hiburan Akhbar Bahasa Cina di Malaysia

Selepas menjalankan pemerhatian tanpa melibatkan diri, pengkaji turut membincangkan ciri-ciri dari segi linguistik bagi item-item lexis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

4.3.1 Kata Nama Khas Bahasa Inggeris yang Tidak Diterjemahkan Secara Fonologi atau Bunyi

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kata-kata nama khas bahasa Inggeris yang dicampurkan adalah tidak diterjemahkan secara fonologi atau bunyi. Antaranya termasuk kata-kata nama khas bagi artis, pelakon, kumpulan muzik, tempat, haiwan dan kenderaan.

4.3.1.1 Orang

Pengkaji mendapati kebanyakan kata nama khas bahasa Inggeris bagi nama artis atau pelakon seperti “*Brittany*”, “*Jeft*”, “*Maggie*”, dan “*Vanness*” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina secara fonologi atau bunyi. Sebaliknya, kata-kata tersebut dicampurkan langsung serta disisipkan dengan sebulat-bulatnya ke dalam ayat berita hiburan dalam akhbar bahasa Cina.

Contoh 1 : 张家辉与关咏荷日前带同 1 岁的女儿 *Brittany* , 一起欣赏舞台剧

Cinderella。

Semalam Zhang Jiahui dan Guan Yonghe membawa anak perempuan mereka, *Brittany* yang berumur satu tahun bersama-sama menonton drama *Cinderella*.

(*Mun Sang Poh*, 14/2/07)

Contoh 2 : 早前钟丽淇被指与“基金界俊男”*Jeff* 打得火热 , 经常出双入对.....
Zhong Liqi yang dikatakan telah menjalinkan hubungan cinta dengan *Jeft*,
lelaki kakak dunia selalu keluar berdua-duaan.
(*Mun Sang Poh*, 7/2/07)

Contoh 3 : *Maggie* 表示纯演戏是一种享受 , 她喜欢群体合作 , 只是有时一等 6
小时便不享受。
Maggie memberitahu dengan hanya berlakon merupakan sejenis nikmat.
Dia menyatakan bahawa dia suka bekerjasama dalam kumpulan, tetapi
tunggu-menunggu menjadikannya berasa tidak selesa terutamanya
menunggu selama 6 jam.
(*China Press*, 5/5/07)

Contoh 4 : 尽管右脚受伤 , 不过 *Vanness* 还是交出超水准的演出 , 让全场歌迷
High 翻天。
Walaupun kaki kanan *Vanness* cedera, namun dia masih juga dapat
menunjukkan pretasinya yang baik dan ini menyebabkan peminat-
peminatnya *high* sampai tidak terhingga.
(*Guang Ming Daily*, 5/3/07)

Pengkaji mendapati bahawa sesetengah item leksis bahasa Inggeris, misalnya kata nama khas bagi nama artis seperti “*Brittany*”, “*Jeft*”, “*Maggie*” dan “*Vanness*” tidak diterjemahkan ke dalam versi bahasa Cina secara fonologi atau bunyi. Sebaliknya kata-kata tersebut dicampurkan secara langsung serta disisipkan dengan sebulat-bulatnya ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina.

4.3.1.2 Tempat

Pengkaji mendapati kata nama khas bahasa Inggeris bagi nama tempat seperti “*Pure*” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina tetapi dicampurkan langsung serta diserapkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Berikut adalah kata nama khas yang berkenaan:

Contoh：当晚，碧妮获赌城著名夜店 *Pure* 以约 300 万港元（约 150 万令吉）重金礼聘主持倒数派对……

Pada malam tersebut, Bi Ni dijemput oleh *Pure*, Kelab Malam Kasino yang popular dengan bayaran lumayan lebih kurang HK \$3 juta (lebih kurang 150 Ringgit Malaysia) untuk mengacarai majlis “*countdown*”.

(*China Press*, 4/1/07)

Item leksis bahasa Inggeris “*Pure*” merupakan kata nama khas bagi tempat yang digunakan untuk merujuk kepada nama sebuah kelab malam. Kata bahasa Inggeris ini tidak diterjemahkan secara fonologi atau bunyi tetapi dicampurkan langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

4.3.1.3 Haiwan

Pengkaji mendapati kata nama khas bahasa Inggeris bagi nama haiwan seperti “*Cash*” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina tetapi dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Berikut adalah kata nama khas yang berkenaan:

Contoh：……还说 *Cash* 和她一样爱吃斋菜。

…… juga menyatakan *Cash* seperti dirinya juga suka makan sayur-sayuran.

(*Guang Ming Daily*, 28/5/07)

Merujuk kepada contoh di atas, pengkaji mendapati item leksis bahasa Inggeris “*Cash*” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina tetapi dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Item leksis bahasa Inggeris “*Cash*” merupakan kata nama khas bagi anjing kesayangan seorang artis wanita.

4.3.1.4 Kenderaan

Pengkaji mendapati kata nama khas bahasa Inggeris bagi nama kenderaan seperti “*BMW*” dan “*Harrier*” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina secara fonologi tetapi

dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Berikut adalah kata-kata nama khas yang berkenaan:

Contoh 1 : 罗志祥买 **BMW** 庆功。

Luo Zhixiang membeli kereta **BMW** untuk merayakan kejayaannya.
(*Mun Sang Poh*, 28/2/07)

Contoh 2: 上周五，陶大于拍新剧《和味浓情》，深夜 3 点收工后，他急不及待驾驶其黑色 **Harrier** 座驾，直奔郭羡妮的西贡早禾居寓所。

Pada hari Jumaat yang lalu, Tao Dayu merakamkan drama berjudul “He Wei Nong Qing” sehingga pukul tiga pagi. Dengan segeranya dia memandu **Harrier**, kereta hitamnya lalu menuju ke Xigong iaitu tempat tinggal teman wanitanya, Guo Xianni dengan tergesa-gesa.
(*China Press*, 20/4/07)

Merujuk kepada conto(1) dan (2), pengkaji mendapati item lexis bahasa Inggeris “**BMW**” dan “**Harrier**” tidak diterjemahkan dalam versi bahasa Cina tetapi dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Item-item lexis ini merupakan kata nama khas bagi kereta ternama bagi artis wanita di Hongkong.

4.3.1.5 Kumpulan Muzik

Pengkaji mendapati kata nama khas bahasa Inggeris bagi kumpulan muzik seperti “**North**” , “**Twins**” dan “**Westlife**” masih belum lagi diterjemahkan ke dalam versi bahasa Cina dari segi fonologi atau bunyi (音译 *yīnyì*).

Contoh 1 : 澳洲组合 **North** , 4 人精彩的劲歌热舞 , 令全场歌迷超 *high*。

Seramai 4 orang artis dari **North**, Kumpulan Muzik Australia mempersembahkan lagu yang hebat serta tarian yang hot berjaya menambat hati semua peminat yang hadir.

(*China Press*, 2/1/07)

Contoh 2: 讲到用名牌 , 一班女艺人当然是忠实拥趸 , 当中 **Twins** 的阿 Sa 亦是名牌爱好者。

Sebut sahaja jenama, artis-artis wanita memang merupakan pengguna jenama yang setia. Ini termasuk juga Ah Sa dari **Twins**.

(*Guang Ming Daily*, 15/3/07)

Contoh 3: 这股翻唱风潮更蔓延至年轻一辈，人气男孩组合 *Westlife* 多首冠军作品，便是旧曲新瓶。

Kecenderungan mengikut gaya lagu sebelumnya telah diamalkan oleh generasi muda dan kebanyakan hasil lagu Pasukan *Westlife* yang mendapat johan adalah bercorak lagu klasik.

(*China Press*, 2/1/07)

Merujuk kepada contoh di atas, pengkaji mendapati item-item leksis seperti “*North*”, “*Twins*” dan “*Westlife*” juga tidak diterjemahkan ke dalam versi bahasa Cina dan dicampurkan sebulat-bulatnya ke dalam ayat hiburan bahasa Cina sehingga wujudnya fenomena percampuran kod.

4.3.2 Pengabaian Versi Kata Bahasa Cina yang Seerti dengannya

Pengkaji juga mendapati bahawa item-item leksis (kata nama) bahasa Inggeris yang disisipkan ke dalam ayat-ayat hiburan bahasa Cina setempat mempunyai versi bahasa Cina yang seerti dengannya, tetapi item leksis bahasa Inggeris disisipkan, sebaliknya kata-kata bahasa Cina yang sedia ada diabaikan.

4.3.2.1 Kata Nama Am

Pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak kata nama bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Item-item leksis ini sebenarnya mempunyai versi bahasa Cina tetapi tidak digunakan. Berikut adalah contoh-contoh yang berkenaan.

Contoh 1: 可是当时 *canteen* 关了门，化妆间也关了，他没有地方可去，竟然低着头走进厕所。

Pada masa itu, *canteen* sudah ditutup, bilik bersolek juga sudah ditutup. Dia tidak ada tempat nak pergi. Dia terpaksa menunduk kepala lalu masuk ke dalam tandas.

(*Guang Ming Daily*, 11/3/07)

Merujuk kepada contoh (1), penulis berita hiburan menggunakan kata nama bahasa Inggeris “*canteen*” untuk menggantikan versi bahasa Cina, iaitu “食堂 *shítáng*” yang bermaksud “kedai makan dalam asrama, kilang atau pejabat” ataupun “kantin”. Ini merupakan fenomena yang tidak kerap wujud.

Contoh 2: 也有人指 *Eason* 不懂何谓尊重, *Mabuchi* 则指“在别的歌手的 *concert* 上出现睡觉这种行为, *Eason* 连基本礼貌都没有。

Ada orang mengatakan bahawa *Eason* tidak tahu menghormati. *Mabuchi* pula mengatakan bahawa *Eason* langsung tidak bersopan-santun kerana tidur semasa *consert* dijalankan.

(*Guang Ming Daily*, 11/4/07)

Begitu juga dalam contoh (2), penulis berita hiburan lebih gemar menggunakan kata nama bahasa Inggeris “*concert*” untuk menggantikan “persembahan atau pertunjukan muzik atau nyanyian” oleh artis-artis tempatan. Item leksis ini juga mempunyai versi bahasa Cina yang berbunyi “演唱会 *yǎnchànghuì*”, “音乐会 *yīnyuèhuì*” atau “演奏会 *yǎnzòuhuì*”.

Contoh 3: 无论如何, 既然是附赠品, 就当作是 *bonus* 好啦!

Walau bagaimanapun, anggaplah hadiah percuma ini sebagai *bonus*.

(*China Press*, 16/1/07)

Merujuk kepada contoh (3), kata nama bahasa Inggeris “*bonus*” yang digunakan oleh penulis berita hiburan juga mempunyai versi bahasa Cina, iaitu “奖金 *jiǎngjīn*”, “红利

hónglì” atau “额外津贴 *éwài jīntiē*”. Kata nama bahasa Inggeris ini membawa maksud “bayaran yang biasa sebagai pemberian atau ganjaran”.

Contoh 4: 飞轮海出现，令 *fans* 情绪失控。
Apabila Fei Lunhai muncul, perasaan *fans* menjadi tidak terkawal.
(*Guang Ming Daily*, 22/4/07)

Melihat contoh (4), penulis berita hiburan lebih cenderung menggunakan kata nama bahasa Inggeris “*fans*” untuk menggantikan “peminat”. Item leksis ini mempunyai versi bahasa Cina yang berbunyi “粉丝 *fěnsī*” tetapi tidak digunakan. Item leksis ini merupakan kata nama bahasa Inggeris yang paling kerap dijumpai dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

4.3.2.2 Kata Nama Khas

Penulis menggunakan nama artis dalam bahasa Inggeris seperti “*Jerry*”, “*Sammi*”, “*Rain*”, “*S.H.E.*” dan “*Edison*” tetapi tidak menggunakan nama Cina asal mereka. Berikut adalah contoh-contoh bagi kata-kata yang berkenaan:

Contoh 1: 正身在外地的 *Jerry* 表示，正为工作而在外地作准备，踏入 30 岁生日最希望大家能幸福快乐。

Jerry yang berada di luar negeri dan masih bertugas di situ memberitahu bahawa dia sedang membuat persiapan untuk menyambut hari lahirnya yang ke-30. Dia berhasrat agar semua orang hidup sihat dan bahagia.
(*China Press*, 2/1/07)

Contoh 2: *Sammi* 演唱会门票正式开售.....

Tiket Konsert *Sammi* mulai dijual secara formal.
(*Guang Ming Daily*, 6/4/07)

Contoh 3: *Rain* 人气旺到不行，今年下半年前进美国发专辑，也有可能拍电影。

Rain yang tidak terhingga popularnya akan menuju ke Amerika Syarikat pada separuh masa kedua tahun ini untuk mengeluarkan albumnya dan kemungkinan juga dia akan membuat rakaman penggambaran.

(China Press, 28/3/07)

Merujuk contoh (1), (2) dan (3), pengkaji mendapati bahawa kata nama khas bahasa Inggeris tersebut sebenarnya mempunyai versi bahasa Cina tetapi tidak digunakan oleh penulis berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Misalnya, melihat contoh (1), “*Jerry*” mempunyai versi bahasa Cina, yakni “言承旭 *Yán Chéngxù*” tetapi tidak digunakan. Begitu juga dalam Contoh (2), “*Sammi*” mempunyai versi bahasa Cina, iaitu “郑秀文 *Zhèng Xiùwén*”. Penulis akhbar menggunakan “*Rain*” dan mengetepikan terjemahannya yang tersedia ada iaitu “郑智薰 *Zhèng Zhìxūn*”. Pengkaji mendapati bahawa sesetengah kata nama khas bagi artis seperti “*Rain*” adalah lebih terkenal sekiranya berbanding dengan kata nama bahasa Cinanya.

4.3.2.3 Kata Adjektif

Pengkaji mendapati bahawa kata-kata adjektif bahasa Inggeris seperti “*cheap*”, “*fit*”, “*sweet*”, “*close*”, “*cute*”, “*free*”, “*nice*” dan “*sexy*” juga banyak dicampurkan secara interbahasa ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Contoh 1: 当然开心，猪年给人一种很 *Lucky* 感觉，希望一整年都那么好运！
Memang gembira, Tahun khinzir memberikan orang perasaan *Lucky*. Saya berharap saya bertuah sepanjang tahun ini.

(China Press, 19/1/07)

Merujuk kepada contoh (1), penulis akhbar menggunakan kata adjektif bahasa Inggeris “*lucky*” untuk menggantikan item leksis bahasa Cina yang berbunyi “幸运 *xìng yùn*”. Item leksis ini membawa maksud “bernasib baik”.

Contoh 2: “我相当喜欢 *Edison* , 他真的很 *cute*.....”

“Saya memang sangat suka akan *Edison*, dia memang sangat *cute*.....”
(*China Press*, 1/5/07)

Merujuk kepada contoh (2), penulis akhbar menggunakan kata adjektif bahasa Inggeris “*cute*” untuk menyifatkan rupa *Edison* yang comel dan tidak menggunakan versi kata adjektif bahasa Cina iaitu “可爱 *kě ài*” yang bermakna “*comel*”.

Contoh 3: “她穿的吊带松身裙 , 简单得来又性感 , 加上她的肤色很健康 , 感觉 *Sexy*.....”

Dia memakai gaun yang bertali halus, ringkas dan *sexy*, tambahan pula warna kulitnya kelihatan sihat, serta member perasaan *sexy* kepada orang lain.....

(*China Press*, 13/5/07)

Begitu juga, penulis berita hiburan akhbar bahasa Cina juga tidak menggunakan versi kata adjektif bahasa Cina “性感 *xìnggǎn*” dalam contoh (3), tetapi sebaliknya mencampurkan kata adjektif bahasa Inggeris “*sexy*” dengan sebulat-bulatnya ke dalam ayat hiburan yang membawa maksud “seksi”.

Contoh 4: 至于 *Jessie* 则答得甚害怕 : “朋友而已 , 他还有很多很 *close* 的朋友 !”

Jessie menjawab dalam ketakutan, “Cuma kawan sahaja, dia masih mempunyai ramai kawan yang sangat *close*.”

(*China Press*, 28/1/07)

Contoh 5: “我们家人的关系真的很 *close* , *close* 到每个朋友都觉不可思议。”

Tali persaudaraan keluarga saya sangat *close* sehingga kawan saya juga berasa sungguh pelik.

(*China Press*, 25/2/07)

Merujuk kepada contoh (4) dan (5), kata adjektif bahasa Inggeris “*close*” sebenarnya juga mempunyai versi dalam bahasa Cina iaitu “友好 *yǒuhǎo*” atau “亲密

qīnmì” yang membawa maksud “perhubungan yang rapat”. Merujuk kepada contoh (4), kata adjektif bahasa Inggeris “*close*” membawa makna “persahabatan yang rapat”. Begitu juga dalam contoh (5), kata bahasa Inggeris “*close*” digunakan untuk merujuk kepada “perhubungan rapat”. Namun, kata bahasa Inggeris “*close*” telah dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan sebaliknya versi bahasa Cina yang seerti dengannya tidak digunakan.

4.3.2.4 Kata Kerja

Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat banyak kata kerja bahasa Inggeris dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia walaupun terdapat perbendaharaan kata yang seerti dalam bahasa Cina.

Contoh 1: 她打电话 *call* 人，却没有人开机，最后她等到睡着，麻将也没打成。
Dia menggunakan telefon *call* orang, tetapi malangnya tidak dapat dihubungi. Akhirnya dia menunggu sehingga tertidur dan tidak jadi bermain majung.

(*Guang Ming Daily*, 8/4/07)

Merujuk contoh (1), penulis berita hiburan akhbar bahasa Cina menggunakan kata kerja “*call*” untuk menggantikan frasa kerja bahasa Cina yang berbunyi “叫 *jào*”.

Contoh 2: “余诗曼之所以把身材 *keep* 得这么好，完全是因为她意志力坚强。
“She Shiman dapat *keep* badan dengan begitu baik kerana pendiriannya yang teguh.

(*Guang Ming Daily*, 20/4/07)

Begitu juga dalam contoh (2), kata leksis bahasa Inggeris “*keep*” digunakan untuk menggantikan item leksis bahasa Cina yang berbunyi “维持 *wéichí*”, “保持 *bǎochí*”

atau “持续 *chíxù*” yang membawa makna “mengekalikan”. Item lexis bahasa Inggeris ini adalah lebih ringkas, singkat dan padat sekiranya berbanding dengan bahasa Cina.

Contoh 3: 徐濠萦 (阿徐) 自从嫁给陈奕迅当幸福少奶奶后, 有空就会到处 *shopping*。

Setelah Xu Haoying berkahwin dengan Chen Yixun dan menjadi isteri yang bahagia, dia sering *shopping* ke sana-sini sahaja pada masa lapang. (Guang Ming Daily, 4/4/07)

Merujuk kepada contoh (3) pula, pengguna-pengguna bahasa di Malaysia cenderung mencampurkan kata kerja bahasa Inggeris “*shopping*” ke dalam pertuturan yang bukan berbahasa Cina untuk merujuk kepada perbuatan membeli-belah. Namun, kata kerja bahasa Cina yang sedia ada iaitu “购物 *gòuwù*” (membeli-belah) jarang digunakan.

Contoh 4: 歌迷都听惯张栋梁唱情歌, 听他 *rap*, 可新鲜呢!

Peminat lagu sudah biasa mendengar Zhang Dongliang menyanyi lagu cinta. Mendengarnya *rap* lagu memang sesuatu yang baru. (China Press, 26/5/07)

Merujuk contoh (4), penulis menggunakan kata kerja “*rap*” untuk menggantikan frasa kerja bahasa Cina “唱押韵歌 *chàng yāyùn gē*” yang membawa makna “menyanyi lagu yang berima”. “*Rap*” adalah jauh lebih singkat dan padat sekiranya berbanding dengan frasa “唱押韵歌 *chàng yāyùn gē*” yang bermorfem panjang.

4.3.2.5 Kata Bahasa Inggeris Bersama Versi Bahasa Cina

Pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan untuk menjelaskan makna kata bahasa Inggeris yang dicampurkan. Berikut adalah contoh-contoh yang terdapat dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina.

Contoh 1: 经理人又批评 F4 “*out*” (过时)

Pengurus peribadi mengkritik F4 “*out*” lagi.....

(*China Press*, 5/1/07)

Merujuk kepada contoh (1), penulis mencampurkan kata adjektif bahasa Inggeris “*out*” dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina dan menjelaskan makna kata adjektif tersebut dalam kurungan, yang berbunyi “*过时 guòshí*” yang membawa erti “ketinggalan zaman dan tidak lagi menjadi fesyen”.

Contoh 2: 大家别这么 *emphasize* (强调) 这事情嘛 ! ”

Kita jangan *emphasize* perkara ini lagi.

(*China Press*, 6/1/07)

Merujuk kepada contoh (2), kata kerja bahasa Inggeris “*emphasize*” dicampurkan dalam ayat berita hiburan untuk menunjukkan makna “menegaskan, menekankan atau menitikberatkan”. Item leksis tersebut mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan, iaitu “*强调 qiángdiào*” untuk menjelaskan maknanya.

Contoh 3: “不过唱歌就没可能，他有固定 *Partner* (拍档) ，不过我都有 *Kenny* ! ”

“Tidak mungkin menyanyi. Dia mempunyai *Partner* tetap, tetapi saya ada *Kenny*.”

(*China Press*, 6/1/07)

Merujuk kepada contoh (3), penulis berita hiburan mencampurkan item leksis bahasa Inggeris “*partner*” ke dalam ayat berita hiburan. Item leksis tersebut mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan, iaitu “*拍档 pāidàng*” untuk menjelaskan maknanya. Item leksis ini membawa maksud “rakan kongsi” atau “pasangan”. Dalam ayat yang berbunyi “Dia mempunyai pasangan tetap.”

Contoh 4: 她长发剪成及肩新造型，是今年最“*in*”（流行）的长度。

Rambutnya yang panjang digunting sehingga menyentuh bahu merupakan ukuran panjang yang paling *in* pada tahun ini.

(*China Press*, 26/4/07)

Merujuk kepada contoh (4), item leksis bahasa Inggeris “*in*” berfungsi sebagai kata adjektif dicampurkan sebulat-bulatnya ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina. Item leksis tersebut mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan yang berbunyi “*流行 liúxíng*”. Item leksis bahasa Inggeris ini membawa maksud “menjadi fesyen” atau “disukai”.

Contoh 5: “现在不会，因为我将事业放在第一位，事业是我可以 *Handle*（掌握）的。

“Sekarang tidak boleh berlaku kerana saya mengutamakan kerjaya saya. Saya boleh *handle* kerjaya saya.”

(*Guang Ming Daily*, 12/2/07)

Wang Mingquan, artis Hongkong yang terkenal mengatakan bahawa dia dapat mengendalikan kerjayanya tetapi bukan hal percintaan yang susah dikawal. Kata-katanya dapat dilihat dalam ayat contoh (5). Kata kerja “*handle*” yang dicampurkan mempunyai versi bahasa Cina, iaitu “*掌握 zhǎngwò*” dalam kurungan sebagai penjelasan maknanya. Item leksis bahasa Inggeris ini membawa maksud “mengawal” atau “mengendalikan”.

Contoh 6: “因为时间问题，加上这部戏是悲剧，我现在接戏会看自己的心情，但这个 *moment* (时候) 不想接拍这类戏，因为演来会令人很 *sad*，令人很有压力，所以不想这么困扰。

“Sekarang saya menerima penggambaran mengikut kehendak saya, tetapi pada *moment* ini saya tidak berminat menerima drama jenis ini kerana sangat menyedihkan dan tertekan. Justeru saya tidak sanggup diganggu”

(*Guang Ming Daily*, 5/5/07)

Merujuk contoh (6), item leksis bahasa Inggeris “*moment*” yang berfungsi sebagai kata nama mempunyai versi bahasa Cina dalam kurungan yang berbunyi “时候 *shíhòu*”. Item leksis ini membawa maksud “ketika”, “saat” atau “waktu” untuk menunjukkan masa.

Contoh 7: 吴尊爱健身，他称自己吃的原则是“种类多”非“量大”，所以特爱吃 *buffet* (自助餐)。

Wu Zhun suka bersenam. Dia mengatakan bahawa dia paling suka akan makan *buffet* kerana prinsip makannya ialah jenis yang pelbagai dan bukan kuantiti yang banyak.

(*Guang Ming Daily*, 30/5/07)

Item leksis bahasa Inggeris “*buffet*” dicampurkan sebulat-bulatnya ke dalam ayat contoh (7). Item leksis yang mempunyai penjelasan makna dalam versi bahasa Cina yang berkurungan berbunyi “自助餐 *zìzhùcān*”. Item leksis ini bermaksud “jamuan selarak” atau “bufet”.

4.3.3 Kata Akronim Bahasa Inggeris

Merujuk kepada “*Kamus Dewan Edisi Ketiga*” (1998), akronim merupakan kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan.

Merujuk kepada “*Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*” (2002), kata akronim tergolong ke dalam kata nama tunggal. Kata nama akronim ialah perkataan yang dihasilkan melalui pencantuman bahagian-bahagian daripada serangkaian perkataan. Bahagian-bahagian perkataan itu boleh terdiri daripada huruf-huruf, suku-suku kata, atau bahagian-bahagian daripada perkataan.

Dalam penyelidikan ini, kata akronim digunakan untuk merujuk kepada semua jenis penyingkatan kata termasuk kata akronim tulin dan kata penghurufan.

Pengkaji mendapati bahawa kata akronim bahasa Inggeris seperti “*MV*”, “*CD*”, “*VCD*”, “*DVD*”, “*KTV*”, “*DJ*”, “*EQ*” dan “*SARS*” yang sangat singkat dan padat juga dikekalkan lalu disisipkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia.

Contoh 1: 徐文友最近推出了《神奇的马》*MV*、*VCD*，他表示面对镜头极不自然。Kebelakangan ini, Xu Wenyou mengeluarkan *MV* dan *VCD*nya yang berjudul “Kuda Ganjil” berasa tidak selesa apabila berdepan dengan kamera.
(*Guang Ming Daily*, 19/1/07)

Item leksis bahasa Inggeris seperti “*MV*” merupakan kata nama akronim bagi “*music video*”. Menurut Shi (1991), item leksis bahasa Inggeris “*CD*” diakronimkan daripada frasa nama “*compact disc*” manakala manakala “*VCD*” pula berasal dari bahasa Inggeris “*Video CD*”. Merujuk kepada contoh (1), pengkaji mendapati penulis-penulis akhbar Cina setempat tidak biasa menggunakan “音乐录影带 *yīnyuè lùyǐngdài*” untuk

merujuk kepada video muzik , sebaliknya mengekalkan “*MV*” yang lebih singkat dan padat maknanya untuk merujuk kepada video muzik. Tambahan pula, akronim kata nama bahasa Inggeris “*VCD*” telah digunakan lalu dicampurkan, sebaliknya kata nama bahasa Cina berbunyi “激光视盘 *jīguāng shìpán*” (video cakera padat) yang bermorfem lebih panjang tidak digunakan.

Contoh 2: 古仔说：“现在我除了工作外，其他时间宁愿留在家，因为街上太多人了，我会在家看 *DVD*、上网买衫。”

Gu Juji berkata: “Sekarang selain daripada tugas, saya lebih rela menonton *DVD* di rumah, melayari internet untuk membeli baju kerana jalan raya terlalu sesak dan mempunyai orang ramai.

(*Mun Sang Poh*, 10/1/07)

Menurut Shi (1991) juga, item leksis “*DVD*” disingkatkan daripada “*digital video disc*” atau “*digital versatile disc*”. Merujuk kepada contoh (2), pengkaji mendapati bahawa penulis akhbar juga gemar menggunakan akronim kata nama bahasa Inggeris iaitu “*DVD*” untuk merujuk kepada video cakera padat digital. Kata terjemahan bahasa Cina yang bermorfem lebih panjang iaitu “数字式激光视盘 *shùzìshì jīguāng shìpán*” atau “通用数字光盘 *tōngyòng shùzì guāngpán*” pula tidak digunakan, seperti dalam contoh (2), “我会在家看 *DVD*” (Saya akan menonton *DVD* di rumah).

Contoh 3: , 何润东甚至不会 *SMS* , 很难培养感情。

Tambahan pula, He Rundong juga tidak tahu akan *SMS*, maka He Rundong sukar untuk menjalinkan hubungan dengannya.

(*Guang Ming Daily*, 5/4/07)

Selain itu, kata akronim bahasa Inggeris yakni “*SMS*” yang lebih ringkas dan padat telah dicampurkan ke dalam contoh (3) untuk menunjukkan perbuatan menghantar

mesej pendek melalui telefon bimbit, sebaliknya frasa kerja bahasa Cina iaitu “发送手机简
信 *fāsòng shǒujī jiǎnxùn* ” (menghantar mesej pendek melalui telefon bimbit) yang
bermorfem lebih panjang tidak digunakan.

Contoh 4: 其间，学友又感慨说：“人生有起有跌，2003年香港爆发 *SARS* 病症，
娱乐圈亦有多位艺人离开，那时我心情很低落，并写了歌曲《给朋友》。

Sementara itu, Xue You berkata, ”Nasib manusia ada kalanya naik dan juga
ada masanya turun. Pada tahun 2003, meletupnya penyakit *SARS*. Dalam
dunia hiburan terdapat ramai artis yang meninggal dunia. Ketika itu saya
berasa amat sedih dan menulis sebuah lagu berjudul “Bagi Sahabatku”.

(*Guang Ming Daily*, 3/4/07)

Merujuk kepada contoh (4) pula, akronim kata nama khas bahasa Inggeris “*SARS*”
yang lebih dikenali umum juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan berita dalam akhbar
bahasa Cina setempat. Kata nama khas “*SARS*” yang ringkas dan padat diakronimkan
daripada istilah “*Severe Acute Respiratory Syndrome*” merupakan sejenis penyakit yang
bahaya yang boleh meragut nyawa pesakit. Dalam bahasa Cina, “*SARS*” diterjemahkan
sebagai “严重急性呼吸系统综合症 *yánzhòng jíxìng hǔxī xìtǒng zōnghézhèng* ” yang
panjang dan rumit serta mengelirukan. Kata nama khas terjemahan dalam bahasa Cina
tidak digunakan oleh penulis akhbar, sebaliknya akronim bahasa Inggeris “*SARS*” yang
semakna dengannya telah disisipkan ke dalam contoh (4).

Contoh 5: 他虽不说名字，但承认和这女歌手合作过，好一起唱过 *KTV*.....

Walaupun dia tidak memberitahu nama, tetapi dia mengakui bahawa
pernah bekerjasama serta menyanyi *KTV* bersama dengan penyanyi
wanita ini.....

(*China Press*, 5/1/07)

Dalam contoh (5), akronim kata nama khas “*KTV*” yang lebih padat digunakan untuk merujuk kepada “*Keyboard Tape Verifier*” lalu menggantikan “键盘磁带检孔机 *jiàngpán cídài jiǎngkǒngjī*”.

Contoh 6:张耀扬独自驾驶其马赛地到场，将轿车直接驶入 *VIP* 位置继而溜到后台。

.....Zhang Yaoyang sendiri memandu kereta Mercedesnya memasuki tempat *VIP* lalu menghilang diri ke pentas belakang.

(*China Press*, 6/2/07)

Kata akronim bahasa Inggeris “*VIP*” yang diakronimkan daripada “*Very Important Person*” juga dicampurkan langsung ke dalam ayat berita hiburan untuk menggantikan “贵宾 *guìbīn* atau “*嘉宾 jiābīn* (tetamu khas).

Contoh 7: 尽管王令琪不断强调此举不代表 *DJ* 失业，但对张智成的打击较大，因他歌手、*DJ* 两项工作均告吹。

Walaupun Wang Lingqi menegaskan bahawa tindakan ini tidak menandakan pengangguran *DJ*, tetapi pengaruh ini akan memberi kesan buruk kepada Zhang Zhicheng kerana tugasnya sebagai penyanyi dan *DJ* akan terjejas.

(*Guang Ming Daily*, 16/1/07)

Merujuk kepada contoh (7) pula, frasa bahasa Cina yang bermorfem panjang yakni “*节目主持人 jiémù zhǔchírén*” (juruacara) tidak digunakan, sebaliknya kata bahasa Inggeris “*DJ*” yang diakronimkan daripada “*Disc Jockey*” telah dicampurkan ke dalam ayat hiburan, di mana “*DJ*” adalah lebih ringkas dan padat daripada “*节目主持人 jiémù zhǔchírén*” (juruacara).

Contoh 8: 林志玲的 *EQ* 高，被问到言承旭总是笑笑装傻。

EQ Lim Zhiling tinggi, apabila disoal berkenaan dengan Jerry, dia senyum dan berpura-pura tidak tahu.

(*China Press*, 14/1/07)

Bagi contoh (8) pula, frasa bahasa Cina yang bermorfem panjang yakni “情绪智商 *qíngxù zhìshāng*” (seerti dengan “*EQ*”) tidak digunakan, sebaliknya item lexis bahasa Inggeris berbunyi “*EQ*” yang diakronimkan daripada “*Emotional Quotient*” telah dicampurkan ke dalam ayat hiburan (8) sehingga mewujudkan fenomena percampuran kod. Akronim bahasa Inggeris ini adalah lebih padat dan ringkas sekiranya berbanding dengan frasa nama bahasa Cina iaitu “情绪智商 *qíngxù zhìshāng*” (seerti dengan “*EQ*”).

4.3.4 Kata Adjektif Bahasa Inggeris Berciri Kemodenan dan Keremajaan

Pengkaji mendapati bahawa penulis berita hiburan akhbar bahasa Cina juga kerap menggunakan item lexis bahasa Inggeris yang berfungsi sebagai kata adjektif dalam ayat hiburan bahasa Cina. Kata-kata adjektif bahasa Inggeris seperti “*high*”, “*cool*”, “*in*”, “*fit*”, “*hit*”, dan “*hot*” adalah singkat kerana hanya mempunyai satu suku kata sahaja. Tambahan pula, kata adjektif bahasa Inggeris tersebut bukan sahaja berbau kemodenan dan keremajaan, malah juga sesuai dengan cita rasa golongan pemuda-pemudi masa kini. Berikut adalah contoh ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina setempat yang telah dicampurkan dengan kata-kata adjektif bahasa Inggeris yang berbau kemodenan dan keremajaan.

Contoh 1: 心情仍很 *High* 的他突然建议到迪斯哥再庆祝一番。

Perasaan yang masih *High* menyebabkannya dengan tiba-tiba bercadang ke Disco untuk merayakan kejayaan.

(*Guang Ming Daily*, 31/1/07)

Kata-kata adjektif yang tersebut di atas adalah singkat dan hanya mempunyai satu suku kata. Kata-kata adjektif bahasa Inggeris tersebut juga mempunyai terjemahan dalam bahasa Cina. Merujuk kepada contoh (1), kata adjektif bahasa Inggeris “*high*” bermaksud “sangat seronok”. Ia mempunyai kata terjemahan dalam bahasa Cina, iaitu “高昂 *gāo’áng*、激昂 *jī’áng*”. Ia digunakan untuk menyifatkan perasaan yang sangat seronok, misalnya dalam ayat yang berbunyi “心情仍很 *high* (perasaan hati masih sangat *high*)”.

Contoh 2: 所以，我也期待大马演唱会当天，你们的表现也要一样 *High*。

Justeru, saya juga berharap pada hari Konsert Malaysia, kamu semua juga harus beraksi dengan *High*.

(*Guang Ming Daily*, 31/5/07)

Begitu juga dengan kata adjektif bahasa Inggeris “*high*” dalam ayat hiburan contoh (2), iaitu “你们的表现也要一样 *high*”(kamu semua juga mesti beraksi dengan *high*) juga membawa maksud sangat riang dan seronok. Pengkaji mendapati bahawa item leksis bahasa Inggeris “*high*” adalah kedengaran lebih moden dan bertrend sekiranya berbanding dengan kata sifat bahasa Cina iaitu “高昂 *gāo’áng*” dan “激昂 *jī’áng*” (sangat riang gembira) yang seerti dengannya.

Contoh 3: 也许歌迷看不惯“扮 *cool*”的张栋梁，但对他来说是一个新改变.....

Kemungkinan peminat tidak biasa dengan Zhang Dongliang yang *cool*, tetapi baginya ini adalah sesuatu perubahan baru.

(*China Press*, 26/5/07)

Contoh 4: 松山经常都是没有什么笑容, *cool* 到爆，但其实他和一般年轻人没有分别.....

Song Shan yang lazimnya tidak suka senyum, terlampau *cool* tetapi sebenarnya dia tidak berbeza dengan pemuda-pemudi lain.

(*Mun Sang Poh*, 2/5/07)

Merujuk kepada contoh (3) dan (4) pula, kata adjektif bahasa Inggeris “*cool*” membawa maksud “menarik dan bergaya”. Dalam bahasa Cina, kata adjektif bahasa Inggeris “*cool*” diterjemahkan secara fonologi sehingga menjadi “酷 *kù*”. Namun “酷 *kù*” dalam berita hiburan bahasa Cina setempat jarang digunakan kerana “酷 *kù*” membawa maksud “zalim” (misalnya “残酷 *cánkù*”) yang mempunyai makna yang berbeza sekali dengan “*cool*”. Demi tidak mengelirukan pembaca, kata adjektif bahasa Inggeris “*cool*” yang kedengaran lebih berbau kemodenan dan keremajaan ini telah dikekalkan lalu dicampurkan secara interbahasa ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina. Merujuk kepada contoh (4), “*cool* 到爆” bererti “terlampau bergaya dan menarik” di mana “*cool*” di sini kedengaran lebih berbau keremajaan dan bertrend sekiranya berbanding dengan kata adjektif bahasa Cina iaitu “酷 *kù*” yang berbau bahasa persuratan.

Contoh 5: “但我早就想剪，国外杂志都说这种长度最*in*1（流行）。”

“Saya sudah lama hendak menggunting rambut, majalah luar negeri juga mengatakan bahawa rambut sepanjang ini adalah sangat *in*.”

(*Guang Ming Daily*, 20/4/07)

Merujuk kepada contoh (5), kata adjektif bahasa Inggeris “*in*” telah dicampurkan ke dalam ayat hiburan bahasa Cina untuk menyifatkan kepanjangan rambut yang sesuai dengan masa kini. Pengkaji mendapati bahawa “*in*” kedengaran lebih moden sekiranya

1 Menurut Qian (2000), “*in*” ialah kata yang disingkatkan daripada “*in fashion*”.

berbanding dengan kata bahasa Cina yang berbunyi “入时 *rùshí*”, di mana “入时 *rùshí*” adalah lebih bercorak bahasa persuratan.

Contoh 6: 她说：“我的身形已经回复好久了，更 *fit* 哦，报道真是无稽。”

Dia berkata, “Badan saya sudah lama pulih, sekarang lebih *fit* lagi, khabar berita sungguh tidak masuk akal.”

(*Mun Sang Poh*, 5/5/07)

Merujuk kepada contoh (6), pengkaji juga mendapati bahawa pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia biasa menggunakan “*fit*” untuk merujuk kepada bentuk badan yang ideal, langsing dan berpadanan, sebaliknya kata yang sedia ada dalam bahasa Cina seperti “健美 *jiànměi*” (seerti dengan *fit*) atau “苗条 *miáotiáo*” (seerti dengan “*fit*”) tidak digunakan. Menurut responden yang ditemubual, “*fit*” dalam contoh (6) kedengaran lebih berbau kemodenan sekiranya berbanding dengan kata bahasa Cina.

Contoh 7: 为了美丽,女士们出尽法宝,纤体塑身已经 *out*, 今期最 *Hit* 是整容。

Wanita-wanita menggunakan sebarang cara demi kecantikan. Cara melangsingkan badan sudah *out*, kini pembedahan muka dianggap paling *hit*.

(*Mun Sang Poh*, 24/2/07)

Merujuk kepada contoh (7) pula, pengkaji mendapati bahawa kata bahasa Inggeris “*hit*” yang kedengaran lebih menonjolkan keremajaan dan kemodenan telah dicampurkan ke dalam ayat hiburan bahasa Cina untuk menyifatkan kaedah pembedahan muka yang semakin popular pada masa kini. Kata bahasa Inggeris ini kedengaran lebih berbau trend sekiranya berbanding dengan kata bahasa Cina yang berbunyi “风靡 *fēngmí*” (seerti dengan “*hit*”).

Contoh 8: 偶像团体 *S.H.E* 最近很 *hot*.....

Idol Kumpulan *S.H.E.* baru-baru ini sangat *hot*.....
(*Guang Ming Daily*, 5/5/07)

Selain itu, merujuk kepada contoh (8), kata adjektif bahasa Inggeris “*hot*” juga dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina setempat. Pengkaji mendapati bahawa “*hot*” kedengaran lebih berunsur keremajaan, kemodenan dan bertrend sekiranya berbanding dengan kata adjektif bahasa Cina iaitu “热门 *rèmén*” (seerti dengan “*hot*”).

4.3.5 Item Leksis Bahasa Inggeris yang Biasa Digunakan

Pengkaji mendapati bahawa item-item leksis bahasa Inggeris seperti “*Rain*”, “*show*”, “*CD*”, “*DVD*”, “*ringtone*”, “*party*”, “*SMS*”, “*shopping*”, “*SARS*” yang lebih diketahui orang ramai telah dicampurkan sebulat-bulatnya ke dalam ayat hiburan akhbar. Item-item leksis bahasa Inggeris ini adalah lebih singkat dan mudah diingati.

Contoh 1: 韩国天王 *Rain* 今天终于赴港！

Rain, artis Korea terkenal akhirnya pergi ke Hong Kong pada hari ini.
(*China Press*, 10/1/07)

Merujuk kepada contoh (1), misalnya kata nama khas bagi artis Korea iaitu “*Rain*” adalah lebih diketahui umum dan biasa digunakan sekiranya berbanding dengan nama bahasa Cinanya yang berbunyi “郑智薰 *Zhèng Zhìxūn*”. Maka ini turut menyebabkan kata nama khas bahasa Inggeris dicampurkan secara interlingual ke dalam ayat-ayat hiburan akhbar bahasa Cina.

Contoh 2: 陈进祥最新专辑“金韵恋曲”*CD* 与 *VCD* 由“华声”唱片正版推出。

CD dan *VCD* asli album baru Chen Jinxiang yang berjudul “*Jin Yun Lian Qu*” diperkenalkan serta dimasuki ke pasaran oleh Syarikat Huasheng.
(*Mun Sang Poh*, 28/4/07)

Contoh 3: “就是一起看 *DVD* , 朋友也都会来聊天啊!”

“Walau bersama-sama menyaksikan *DVD*, kawan-kawan juga akan datang lalu berbual-bual di sini.”

(*Guang Ming Daily*, 1/2/07)

Pengkaji mendapati bahawa banyak kata nama bahasa Inggeris yang merujuk kepada alat-alat elektronik seperti “*CD*”, “*VCD*” dan “*DVD*” dicampurkan ke dalam contoh (2) dan (3). “*CD*” telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina sehingga menjadi “光碟 *guāngdié*”, “*VCD*” pula diterjemahkan ke dalam bahasa Cina sehingga menjadi “激光视盘 *jīguāng shìpán*”, manakala “*DVD*” telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina sehingga menjadi “数字式激光视盘 *shùzìshì jīguāng shìpán*” atau “通用数字光盘 *tōngyòng shùzì guāngpán*”. Namun, menurut responden-responden yang ditemubual, kata-kata terjemahan bahasa Cina kurang diketahui oleh pengguna-pengguna bahasa Cina secara umum, sebaliknya kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan lebih diketahui oleh pengguna-pengguna bahasa Cina setempat.

Contoh 4: 此时，一段很熟悉的 *ringtone* 响起，竟是香港小姐选美中的 *melody*。

Pada masa itu, muzik *ringtone* yang biasa didengar telah berbunyi, rupa-rupanya ialah *melody* pilihan ratu Hong Kong.

(*Guang Ming Daily*, 24/3/07)

Contoh 5: 和六月、林千钰等好友谈心，开了一场别开生面的 *party*。

Bersembang bersama dengan Liu Yue, Lin Qianyu dan sahabat karib lain, lalu mengadakan satu *party* yang istimewa.

(*Guang Ming Daily*, 13/5/07)

“*Ringtone*” dan “*party*” dalam contoh (4) dan (5) telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina sehingga menjadi “手机铃声” dan “派对”, namun, pengkaji mendapati bahawa kedua-dua item lexis bahasa Cina ini tidak kerap digunakan oleh pengguna-

pengguna bahasa Cina di Malaysia, sebaliknya kata-kata bahasa Inggeris yang berbunyi “*ringtone*” dan “*party*” biasa digunakan dalam pertuturan seharian.

Contoh 6: 其间，学友又感慨说：“人生有起有跌，2003年香港爆发 *SARS* 病症，娱乐圈亦有多位艺人离开，那时我心情很低落，并写了歌曲《给朋友》。

Sementara itu Xue You berkata, “Nasib manusia ada masanya naik dan juga ada masanya turun. Pada tahun 2003, meletupnya penyakit *SARS*. Dalam dunia hiburan terdapat ramai artis yang meninggal dunia. Ketika itu saya berasa amat sedih dan menulis sebuah lagu berjudul “Bagi Sahabatku”.

(*Guang Ming Daily*, 3/4/07)

Contoh 7: 徐濠萦 (阿徐) 自从嫁给陈奕迅当幸福少奶奶后，有空就会到处 *shopping*。

Setelah Xu Haoying berkahwin dengan Chen Yixun dan menjadi isteri yang bahagia, dia sering *shopping* ke mana-mana sahaja pada masa lapang.

(*Guang Ming Daily*, 4/4/07)

Pengkaji juga mendapati bahawa item lexis bahasa Inggeris “*shopping*” merupakan merupakan item lexis yang biasa dan kerap digunakan di kalangan pengguna-pengguna bahasa di Malaysia tanpa mengira kaum sama ada Melayu, Cina dan India. Misalnya, pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia cenderung menggunakan “*shopping*” untuk menunjukkan perbuatan membeli-belah di pusat membeli-belah. Sebaliknya, kata kerja yang sedia ada dalam bahasa Cina iaitu “购物 *gòuwù*” tidak kerap digunakan.

Contoh 8: 何润东甚至不会 *SMS*，很难培养感情。

He Rundong juga tidak mampu *SMS*, susah hendak memupuk perasaan.

(*Guang Ming Daily*, 5/4/07)

Merujuk kepada contoh (8) pula, “SMS” adalah lebih singkat dan lebih diketahui oleh orang ramai sekiranya berbanding dengan kata terjemahan bahasa Cina yang berbunyi “发送手机简讯 *fāsòng shǒujī jiǎnxùn*” yang seerti dengan “SMS”.

4.3.6 Perubahan Makna dan Fungsi Kelas Kata Bahasa Inggeris

Pengkaji mendapati bahawa terdapat lapan kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat hiburan bahasa Cina di Malaysia, di mana kata-kata bahasa Inggeris tersebut mempunyai lebih daripada satu fungsi masing-masing. Pengkaji turut membincangkan ciri-ciri dari segi linguistik bagi kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan tetapi mempunyai lebih daripada satu fungsi dan diperluaskan makna.

4.3.6.1 Kata Nama Am

i) *s.m.s*

Pengkaji mendapati bahawa kata bahasa Inggeris “*sms*” yang digunakan dalam konteks ini bertukar fungsi tatabahasanya dari kata nama kepada kata kerja dan seterusnya mempengaruhi maknanya. Berikut adalah contoh-contoh yang berkenaan:

Contoh: 1., 何润东甚至不会 *sms* , 很难培养感情。

Tambahan pula, He Rundong juga tidak tahu akan *sms*, maka He susah untuk menjalinkan hubungan dengannya.

(*Guang Ming Daily*, 5/4/07)

2. 郭羨妮不只一次与某人老婆在电话中对骂，被对方踢爆身分后继续以 *sms* 向男友传情，故才令阿宝公开指她是第三者。

Guo Xianni bukan sekali sahaja berperang mulut dengan isteri orang lain. Setelah identitinya diketahui oleh Ah Bao, dia masih lagi menjalinkan hubungan cinta dengan kekasihnya melalui *sms* dan ini menyebabkan Ah Bao menuduhnya sebagai orang ketiga.

(*Guang Ming Daily*, 5/4/07)

Merujuk kepada contoh-contoh di atas, pengkaji mendapati bahawa penghurufan bahasa Inggeris, yakni sms (*short message service*) yang dicampurkan merupakan kata nama pada asalnya, namun kata bahasa Inggeris ini telah diperluaskan makna sehingga menjadi kata kerja seperti dalam ayat hiburan contoh (2). Pengkaji juga mendapati bahawa pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia juga kerap mencampurkan kata bahasa Inggeris ini ke dalam ayat pertuturan bahasa Cina, di samping menjadikan “*sms*” sebagai kata kerja, misalnya ayat yang berbunyi “何润东甚至不会 *sms*” (He Rundong juga tidak tahu *sms*.) Ini menunjukkan bahawa item lexis sesuatu bahasa akan sentiasa berubah agar sentiasa sesuai dengan perkembangan zaman dan kehendak pengguna-pengguna bahasa semasa.

ii) *man*

Pengkaji mendapati bahawa kata bahasa Inggeris “*man*” yang digunakan dalam konteks ini bertukar fungsi tatabahasanya dari kata nama kepada kata adjektif dan seterusnya mempengaruhi maknanya.

Contoh 1. 多得老婆旺夫，谢天华去年凭《女人唔易做》的“贱 *man*”成功出位

.....

Dengan kemegahan si isteri, Xie Tianhua melalui wataknya “*man* keji” dalam drama bersiri “Bukan Senang Nak Jadi Wanita” telah memperoleh kejayaan.

(*Guang Ming Daily*, 15/3/07)

2. 曹格疲累的说：“为艺术牺牲，拍出来的效果很 *man*，一切都值得了。”

Cao Ge dalam keletihan berkata, “Mengorbankan diri demi seni dan kesan penggambarannya yang sangat “*man*” menjadikan segalanya berbaloi.”

(*Mun Sang Poh*, 3/1/07)

3. 向来走中性路的韩国影星李准基，最近剪了新发型扮摇滚歌手，总算 *man* 了一次！

Li Zhunji seorang artis Korea yang kelihatan seperti wanita, kebelakangan ini menukar stail rambutnya yang baru lalu beraksi sebagai penyanyi “*Rock*”, dan dianggap telah *man* sekali.

(*Mun Sang Poh*, 24/3/07)

Menurut nahu bahasa Inggeris, item leksis “*man*” hanya berfungsi sebagai kata nama sahaja seperti yang terdapat dalam contoh (1).

Dalam peraturan tatabahasa bahasa Inggeris, kata adverba tidak boleh digunakan untuk menerangkan kata nama. Merujuk kepada contoh (2), kata adverba “sangat” tidak boleh digunakan untuk menerangkan kata nama bahasa Inggeris “*man*”. Apabila “*man*” berfungsi sebagai kata adjektif, ini telah melanggar peraturan bahasa Inggeris kerana menurut “*Kamus Tribahasa Oxford Fajar*” (2000), “*man*” hanya berfungsi sebagai kata nama am. Pengkaji mendapati bahawa frasa adjektif bahasa Cina yang berbunyi “有男人味 *yǒu nánrénwèi*” tidak digunakan, sebaliknya kata bahasa Inggeris “*man*” yang lebih singkat telah dicampurkan ke dalam ayat hiburan bahasa Cina untuk menyifatkan seorang lelaki yang bersifat kejantanan dan kesan penggambaran. Dalam contoh (2), item leksis “*man*” telah diperluaskan makna sehingga menjadi kata adjektif yang bermakna “bersifat kelelakian”. Pengkaji mendapati bahawa “*man*” juga boleh berperanan sebagai kata kerja yang bermaksud “mempamerkan kelelakiannya” seperti yang terdapat dalam contoh (3). “*Man*” yang dicampurkan ke dalam ayat hiburan contoh (3) yang berfungsi sebagai kata kerja ini jarang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina dan wujud dalam ayat bahasa Cina setempat. Istilah “*man*” dalam contoh (2) dan (3) telah menunjukkan perluasan makna item leksis tersebut sehingga menjadi kata kerja dan kata adjektif yang sering digunakan oleh penulis akhbar.

iii) *friend*

Pengkaji mendapati bahawa item leksis bahasa Inggeris “*friend*” selain berfungsi sebagai kata nama am, ia juga berfungsi sebagai kata adjektif.

Contoh 1:“拿过很多次，多谢大家支持，也很谢谢在座歌手和音乐人，我去到哪里都好像有很多 *friend*.....”

“Saya telah memenangi anugerah banyak kali, terima kasih atas sokongan kamu semua, juga berterima kasih kepada artis-artis dan ahli-ahli muzik yang hadir. Ke mana sahaja saya pergi seolah-olah saya mempunyai banyak *friend*.”

(*China Press*, 3/1/07)

2:后来了解多了，现在可是很 *friend*.....

Setelah lama berkenalan, sekarang kami sudah menjadi sangat *friend*.

(*Guang Ming Daily*, 11/1/07)

Dalam contoh (1), kata nama am “*friend*” bererti “kawan” tidak diterjemahkan ke dalam bahasa Cina, sebaliknya dikekalkan serta digunakan dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina. Merujuk kepada *Kamus Tribahasa Oxford Fajar* (2000), “*friend*” hanya berfungsi sebagai kata nama. Yang menarik di sini adalah item leksis bahasa Inggeris “*friend*” dalam contoh (2) telah diperluaskan makna sehingga berfungsi sebagai kata adjektif yang menyifatkan persahabatan yang erat. Leksis bahasa Inggeris “*friend*” Ini menunjukkan bahawa item-item leksis yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina setempat juga tidak menepati peraturan bahasa Cina dan bahasa Inggeris. Pengkaji juga mendapati bahawa pengguna-pengguna bahasa Cina di Malaysia juga cenderung menyisipkan kata bahasa Inggeris yang berfungsi sebagai kata sifat ini iaitu “*friend*” ke dalam pertuturan berbahasa Cina, misalnya “*我跟他很 friend*.” (Saya sangat *friend* dengannya.)

iv) *camera*

Kata bahasa Inggeris “*camera*” yang digunakan dalam konteks ini bertukar fungsi tatabahasanya dari kata nama am kepada kata kerja dan seterusnya ini telah mempengaruhi maknanya..

Contoh 1: “很多人都说你喜欢上镜，只要有 *camera* 的地方就找到你，今天晚上我也很感谢你的到来。”

“Banyak orang mengatakan kamu suka berlakon, di mana sahaja ada *camera*, di situlah kamu berada, malam ini saya bersyukur atas kehadiran kamu.”

(*Guang Ming Daily*, 14/5/07)

2:，导演一喊“*Camera*”，他马上入戏，而且一次就搞定。

Apabila pengarah filem menjerit“ *Camera*”, dia beraksi dengan sertamerta dan sekali beraksi sahaja sudah memadai.

(*Guang Ming Daily*, 14/2/07)

Selepas menganalisis data-data yang dikumpulkan, pengkaji mendapati bahawa item lexis bahasa Inggeris “*camera*” juga mempunyai lebih dari satu fungsi. Kata nama bahasa Inggeris “*camera*” berfungsi sebagai kata nama am dalam contoh (1) menunjukkan sejenis alat elektronik yang boleh digunakan untuk menangkap foto atau gambar . Kata bahasa Inggeris ini telah diperluaskan makna seperti yang terdapat dalam contoh (2). Item lexis bahasa Inggeris berkenaan telah digunakan oleh penulis akhbar berita hiburan untuk menunjukkan perbuatan memulakan sesuatu aksi atau sesi penggambaran dalam lakonan, menggantikan kata kerja bahasa Cina yang berbunyi “开镜 *kāijìng*”, yakni berfungsi sebagai kata kerja.

v) *key*

Pengkaji mendapati bahawa item leksis bahasa Inggeris “*key*” berfungsi sebagai kata nama dan juga sebagai kata kerja. Berikut adalah contoh-contoh yang berkenaan:

Contoh 1. 当徐若宣问他可唱到曹格的 *key* , 该男生也自信表示没问题。 (16/1)
Apabila Xu Ruoxuan menanyanya sama ada dia berupaya menyanyikan *key* Cao Ge, budak lelaki tersebut memberitahu dengan penuh keyakinan bahawa dia boleh melakukannya.

(*China Press*, 16/1/07)

2.网友就将他 *key* 上曹操的身体。

..... Pengguna internet meng*key*kannya ke atas watak Cao Cao.

(*Guang Ming Daily*, 24/4/07)

Item leksis bahasa Inggeris “*key*” sebenarnya merupakan kata nama am yang menunjukkan sejenis alat pembuka atau lirik sebuah lagu seperti yang terdapat dalam contoh (1). Item leksis bahasa Inggeris tersebut telah diperluaskan makna sehingga berfungsi sebagai kata kerja yang bererti memasukkan sesuatu ke dalam badan seseorang bagaikan dalam contoh (2). Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan sebegini telah dipengaruhi oleh frasa kerja bahasa Inggeris yakni “*key in*”.

4.3.7 Kata Ganda yang Dipengaruhi oleh Bahasa Cina

Merujuk kepada *Tatabahasa Dewan edisi baru*, “kata ganda” ialah bentuk kata yang dihasilkan dengan menggandakan atau mengulangi kata dasar sama ada kata ganda tersebut diulang secara keseluruhan atau pada bahagian-bahagian tertentu, dan dengan imbuhan atau tanpa imbuhan.

Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa kata ganda bahasa Inggeris juga dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysis seperti contoh (1)

hingga (4). Namun, kata-kata ganda bahasa Inggeris berkenaan adalah tidak menepati peraturan atau nahu bahasa Inggeris tetapi kemungkinan besar dipengaruhi oleh bahasa Cina atau dialek Kantonis.

Contoh 1: 笑容 *Sweet Sweet* 的廖碧儿前阵子发高烧虚脱，不过得到“好朋友”陈豪的嘘寒问暖，即使病得七彩，不过依然叫碧儿心里“甜到漏”。

Liao Bier yang bersenyum *sweet sweet* baru-baru ini menghidapi penyakit demam. Setelah diambil berat oleh Chen Hao, walaupun sakit tenat, tetapi hatinya masih berasa manis.

(*Guang Ming Daily*, 18/2/07)

Misalnya “*sweet-sweet*” telah disisipkan ke dalam contoh (1) untuk menyifatkan senyuman Liao Bier, sebaliknya kata ganda bahasa Cina asalnya yang berbunyi “甜甜 *tiántián*” tidak digunakan. Akan tetapi, “*sweet-sweet*” ialah kata ganda yang tidak menepati peraturan bahasa Inggeris, sebaliknya adalah dipengaruhi oleh corak kata ganda bahasa Cina yang berbentuk “AA” (AA 式重叠).

Contoh 2: 至凌晨约 1 时，喝到 *high high* 的阿杜走到门口附近，看见记者，即爆粗说：“喝酒啦，别拍照啦。”

Sehingga lebih kurang pada jam pukul satu tengah malam, Ah Du yang minum sehingga *high high* berjalan berdekatan pintu. Apabila dia ternampak wartawan akhbar, dengan serta-merta dia bercakap kasar, “Lekas minum! Jangan mengambil gambar!”

(*Guang Ming Daily*, 25/4/07)

Kata sifat bahasa Inggeris telah digandakan sehingga menjadi “*high-high*” lalu dicampurkan ke dalam contoh (2) untuk menyifatkan tingkah laku Ah Du selepas mabuk dan tidak boleh melangkah ke depan dengan normal kerana berasa melayang. Pengkaji kerap mendengar pengguna dialek Kantonis cenderung mencampurkan kata adjektif bahasa Inggeris yang digandakan ini ke dalam pertuturan untuk menyifatkan seseorang yang mabuk selepas minum arak. Namun, penggandaan sebegini tidak menepati peraturan

bahasa Inggeris. Oleh sebab kebanyakan pengguna bahasa menggunakannya dengan cara sebegini, maka kata ganda bahasa Inggeris yang tidak tepat ini juga turut digunakan oleh pengguna-pengguna bahasa setempat.

Contoh 3: 近年来成龙大哥愈来愈有“佬”的味道，大哥再不好好 *keep — keep*，很快会和“甘草”划上等号了。

Kebelakangan ini, Jacky Chan kelihatan semakin tua. Sekiranya dia tidak *keep — keep* dengan baik lagi, dia akan bersamaan dengan pelakon berwatak tua, pelakon yang bukan watak utama.

(*Guang Ming Daily*, 4/3/07)

Merujuk kepada contoh (3) pula, “*keep*” telah digandakan lalu dicampurkan sebelum dan selepas “—” (*yi*) untuk menunjukkan perbuatan menjaga dan mengekalkan bentuk badan. Pengkaji mendapati bahawa ini mungkin dipengaruhi oleh format atau struktur penggandaan dalam bahasa Cina yang bercorak “A — A”, yakni “kata kerja —(*yi*) kata kerja”. Namun, cara penggandaan sebegini bukan sahaja tidak umum, malah melanggar nahu bahasa Inggeris.

4.3.8 Item Leksis Bahasa Inggeris yang Ringkas

Kata-kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat berita hiburan bahasa Cina di Malaysia bukan sahaja singkat, tetapi juga padat.

4.3.8.1 Kata Nama

Contoh 1: 东东 (陈晓东) 在自己的 *Blog* 内，大谈梅兰芳的感受。

Dongdong (Chen Xiaodong) mengemukakan pandangannya terhadap Mei Lanfang dalam *Blog*nya.

(*China Press*, 6/4/07)

Merujuk kepada contoh di atas, pengkaji mendapati bahawa item leksis bahasa Inggeris “*Blog*” telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina sehingga menjadi “网上日记 *wǎngshàng rìjì*” atau “部落格 *bùluògē*”. “*Blog*” merupakan kata singkatan bagi “*Web Blog*”, di mana item leksis bahasa Inggeris ini dicipta selepas kelahiran *Blogger* Internet. Sekiranya diperhatikan dari segi struktur linguistik, “*blog*” adalah lebih singkat sekiranya berbanding dengan “*Web Log*”.

4.3.8.2 Kata Adjektif

Pengkaji mendapati kata adjektif bahasa Inggeris seperti “*in*”, “*fit*”, “*hot*” dan “*cute*” juga dicampurkan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina. Misalnya, “*in*” dalam contoh (1) adalah bersuku kata pendek dan lebih singkat sekiranya berbanding dengan “入时 *rùshí*” (seerti dengan “*in*”). Merujuk kepada contoh (1), penulis berita hiburan akhbar setempat lebih suka mencampurkan kata adjektif bahasa Inggeris “*in*” yang berbau keremajaan ke dalam ayat hiburan akhbar bahasa Cina. Kata adjektif bahasa Inggeris tersebut yang membawa maksud “moden dan bergaya” sebenarnya mempunyai kata terjemahannya dalam bahasa Cina iaitu “时髦 *shímáo*” atau “入时 *rùshí*”. Namun, kata adjektif bahasa Cina tersebut tidak digunakan kerana kata tersebut dikatakan tidak dapat menonjolkan kemodenan dan keremajaan yang bersesuaian dengan permintaan minat pembaca.

Contoh 1: 台湾命理师江纮均及卜阳指出，猪年最 *in* 的歌手是张惠妹、王力宏和罗志祥。

Ahli menitik nasib Taiwan Jiang Hongjun dan Bu Yang menyatakan bahawa Zhang Huimei, Wang Lihong dan Luo Zhixiang akan menjadi artis terkenal pada tahun khinzir.

(*China Press*, 20/2/07)

Merujuk kepada contoh (1) hingga (4), pengkaji mendapati bahawa kata-kata adjektif bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat-ayat bukan sahaja berbau kemodenan, tetapi juga bersuku kata pendek, iaitu mempunyai satu suku kata sahaja. Ini mengakibatkan item lexis bahasa Inggeris berkenaan kelihatan lebih singkat dan padat sekiranya berbanding dengan kata adjektif bahasa Cina yang seerti dengannya.

Contoh 2: 她说：“我的身形已经回复好久了，更 *fit* 哦，报道真是无稽。”

Dia berkata, “Badan saya sudah lama pulih, sekarang lebih *fit* lagi, khabar berita sungguh tidak masuk akal.”

(*Mun Sang Poh*, 5/5/07)

Selain itu, “*fit*” yang dicampurkan ke dalam contoh (2) juga bersuku kata pendek dan lebih singkat sekiranya berbanding dengan item lexis bahasa Cina iaitu “健美 *jìanměi*” atau “苗条 *miáotiáo*” yang membawa maksud “sihat serta bergaya”

Contoh 3: 偶像团体 *S.H.E* 最近很 *hot*.....

Idol Kumpulan *S.H.E* baru-baru ini sangat *hot*.....

(*Guang Ming Daily*, 5/5/07)

Contoh 4: “我相当喜欢 *Edison*，他真的很 *Cute*，我知道他有女朋友，所以不会讲.....不会追他。”

“Saya memang sangat suka *Edison*. Dia benar-benar sungguh *Cute*.

Saya tahu dia ada teman wanita. Oleh itu, saya tidak akan meluarkan perasaan dan juga tidak akan memikatnya.

(*China Press*, 1/5/07)

Tambahan pula, kata adjektif bahasa Inggeris yang berbunyi “*hot*” yang dicampurkan ke dalam contoh (3) juga lebih singkat dan padat sekiranya berbanding

dengan kata adjektif bahasa Cina iaitu “热门 *rèmén*” yang seerti dengannya. Seterusnya, penulis hiburan akhbar bahasa Cina setempat juga mencampurkan kata adjektif bahasa Inggeris yang berbunyi “*cute*” yang lebih singkat daripada “可爱 *kě'ài*” ke dalam contoh (4) untuk menggantikan “可爱 *kě'ài*”

4.3.9 Leksis Bahasa Inggeris Bersifat Bahasa Pertuturan

Menurut Yao (1998), kata meminta diri “*bye-bye*” apabila diterjemahkan secara fonologi ke dalam bahasa Cina, ia berbunyi “拜拜 *bàibài*” yang bermaksud “再会 *zàihui*” atau “再见 *zàijiàn*”. Namun, ramai ibu bapa mengajar anak mereka dengan mengucapkan “拜拜 *bàibài*” apabila hendak meminta diri. Walaupun “*bye-bye*” telah diterjemahkan ke dalam bahasa Cina sehingga menjadi “拜拜 *bàibài*” dalam bahasa lisan, tetapi kata meminta diri bahasa Inggeris berbunyi “*bye-bye*” kekal digunakan.

Contoh 1:但阿 B 怎么都不肯把女儿交给她抱，坚持自己抱在手上，还抱住她和 *uncle*、*auntie* 逐个飞吻讲 *bye bye*。

.....Namun Ah B tidak mengizinkan anak perempuan didukungnya dan tetap hendak mendukungnya sendiri. Dia mendukung anak perempuannya untuk mengucap *bye bye* serta memberi kiss masing-masing kepada *uncle* dan *auntie*.

(*Guang Ming Daily*, 21/5/07)

Contoh 2: “*Yeah!* 青云，*Yeah!*”当台上宣布刘青云夺得影帝的一刹那，我们台下高声欢呼。

“*Yeah!* Qing Yun. *Yeah!*” kami bersorak apabila pemenang star diumumkan.

(*Guang Ming Daily*, 26/4/07)

Pengkaji mendapati bahawa item-item leksis bahasa Inggeris yang terdapat dalam ayat contoh (1) dan (2) merupakan item leksis yang berbau bahasa pertuturan. Merujuk ayat contoh (1), item leksis yang berbunyi “*bye-bye*” kerap digunakan oleh penduduk Malaysia dalam perbualan yang bukan bahasa Inggeris untuk meminta diri. Sebaliknya, item leksis bahasa Cina “再见 *zàijiàn*” atau “再会 *zàihui*” jarang digunakan oleh penutur-penutur Cina setempat untuk meminta diri. Pengkaji mendapati bahawa “*bye-bye*” adalah lebih bersifat bahasa pertuturan atau bahasa lisan sekiranya berbanding dengan “再见 *zàijiàn*” atau “再会 *zàihui*”.

Item leksis “*yeah*” pula merupakan item leksis bahasa Inggeris yang sering digunakan oleh pengguna bahasa. Dalam bahasa Cina, “*yeah*” diterjemahkan sebagai “耶 *yē*”, tetapi kata bahasa Cina ini jarang digunakan. Pengkaji mendapati bahawa “*yeah*” adalah lebih bersifat bahasa pertuturan di samping dapat menunjukkan perasaan ghairah dan riang dengan ketara.

4.4 Kesimpulan

Daripada dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan item-item leksis bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia adalah terdiri dari kelas-kelas kata seperti kata nama am, kata nama khas, kata adjektif dan kata kerja. Kata nama, kata adjektif dan kata kerja merupakan item-item leksis yang lazimnya dicampurkan secara interlingual ke dalam ayat-ayat berita hiburan akhbar

bahasa Cina di Malaysia. Kata-kata bahasa Inggeris yang kurang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina ialah kata adverba, kata seru, kata penafi, kata pembenar dan kata ganda, iaitu kata tugas. Selain itu, kata halus yakni kata meminta diri bahasa Inggeris yang berbunyi “*sorry*” juga dicampurkan.

Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat 10 item lexis bahasa Inggeris yang paling banyak dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia. Item lexis ini semuanya berkait rapat dengan artis-artis dan industri perfileman dan dunia muzikal.

Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat lima kata bahasa Inggeris yang dicampurkan ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia mempunyai lebih daripada satu fungsi dan telah diperluaskan makna. Pengkaji juga mendapati bahawa kata nama khas bahasa Inggeris bagi nama artis atau pelakon, tempat membeli-belah, nama kenderaan dan kumpulan muzik tidak diterjemahkan secara fonologi atau bunyi, tetapi sebaliknya telah dicampurkan langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina di Malaysia.

Pengkaji juga mendapati bahawa kata adjektif bahasa Inggeris seperti “*fit*”, “*in*”, “*cute*” yang bersuku kata pendek juga dicampurkan secara langsung ke dalam ayat berita hiburan walaupun kata-kata ini mempunyai versi bahasa Cina tetapi tidak digunakan. Tambahan pula, kata-kata adjektif bahasa Inggeris seperti “*high*”, “*cool*”, “*in*”, “*fit*”, “*hit*” dan “*hot*” yang singkat dan moden juga disisipkan. Kata-kata bahasa Inggeris ini hanya mempunyai satu suku sahaja. Tambahan pula, sesetengah kata bahasa Inggeris seperti

“*shopping*” dan “*rap*” juga dicampurkan langsung ke dalam ayat berita hiburan, tetapi versi bahasa Cina yang sedia ada tidak digunakan.

Begitu juga kata bahasa Inggeris yang telah diakronimkan dan bersifat singkat, padat dan lebih diketahui oleh orang ramai seperti “*DVD*” juga dicampurkan langsung ke dalam ayat berita hiburan akhbar bahasa Cina walaupun kata-kata ini mempunyai versi bahasa Cina.

BAB 5

MAKLUM BALAS RESPONDEN

5.1 Pengenalan

Pengkaji telah menggunakan dua kaedah untuk memperoleh respon daripada responden-responden penyelidikan ini. Kaedah pertama ialah menemubual lapan orang editor dan penulis berita hiburan bahasa Cina di Malaysia untuk mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan fenomena percampuran kod wujud dalam ayat-ayat berita hiburan